

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab 5 ini membekalkan rumusan untuk keseluruhan laporan penyelidikan. Isu berkaitan perwakilan dapatan kajian juga disentuh, sebelum diakhiri dengan cadangan kajian lanjutan.

#### **5.1 Rumusan**

Oleh sebab setiap bahasa mampu memenuhi keperluan komunikatif komuniti bahasanya, ahli sosiolinguistik melihat setiap bahasa sebagai setara. Tetapi masyarakat awam sebagai pengguna bahasa mutlak lazimnya suka membanding-bandingkan bahasa dari segi kemerduan, keindahan, kebergunaan, dan seumpamanya. Hal ini kerana mereka mempunyai sikap bahasa yang tersendiri, dan pelbagai kumpulan sosial (contohnya lelaki dan perempuan, pemuda dan orang tua, pelajar sekolah rendah dan penuntut universiti, pekerja berkolar putih dan pekerja berkolar biru, penduduk bandar dan penduduk luar bandar) yang membentuk keseluruhan masyarakat awam ini pula menjadikan sikap bahasa yang didukung mereka lagi kompleks, sehingga stereotaip dan bias mungkin timbul untuk satu-satu bahasa dan pengguna-penggunanya. Fenomena ini impaknya besar kerana ia boleh mempengaruhi proses pembelajaran bahasa, pengekalan bahasa dan identiti kumpulan, serta penggubalan polisi bahasa oleh pihak kerajaan. Sememangnya senarai ini boleh berterusan tanpa hadnya memandangkan bahasa merupakan satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia.

Pelaksanaan kajian ini mendapat ilham dari skop besar sikap bahasa; secara khususnya ia menyelidik sikap bahasa komuniti atas-talian berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard (M1), bahasa Mandarin basahan (M2), dialek

Hokkien (H) dan dialek Kantonis (K). Kedua-dua kaedah langsung (soal selidik) dan tidak langsung (ujian *matched-guise*) diupah sebagai instrumen pengumpulan data. Di bawah ujian *matched-guise*, dimensi-dimensi yang dilihat ialah dimensi status dan dimensi kekitaan. *Lazimnya*, variasi standard akan diberi status tinggi oleh responden manakala variasi tidak standard atau tempatan diberi status rendah; keadaan adalah sebaliknya untuk kedua-dua kumpulan variasi ini bagi penilaian dari dimensi kekitaan. Walau bagaimanapun, kelaziman tidak bererti kemestian, seperti apa yang dapat dilihat menerusi dapatan kajian ini.

Bab 4 telah membincangkan secara komprehensif dapatan kajian melalui ujian *matched-guise* dan soal selidik dari kedua-dua skop makro (keseluruhan) dan skop mikro (berdasarkan setiap faktor sosial yang dikaji, iaitu jantina, umur, taraf pendidikan, taraf sosioekonomi, dan bahasa pertama responden). Persoalan-persoalanan kajian yang dikemukakan, yakni

- (1) Apakah sikap bahasa komuniti atas-talian yang berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis dari dimensi
  - (a) status?
  - (b) kekitaan?
- (2) Apakah sikap komuniti sasaran terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis berdasarkan faktor-faktor sosial iaitu jantina, umur, taraf pendidikan, taraf sosioekonomi, dan bahasa pertama mereka?

telah dijawab melalui kupasan makro dan mikro tersebut.

Bahagian ini tidak bertujuan melapor semula apa yang telah dibincangkan dalam Bab 4 tetapi hanya merumuskan pola paling umum yang didapati.

Rata-rata dapatan – sama ada secara keseluruhan atau dengan mengambil kira faktor-faktor sosial – mendedahkan pola paling umum bahawa penilaian dari dimensi status paling menguntungkan variasi standard M1. Ini petanda bahawa M1 dilihat sebagai *passport* kepada kejayaan dan prestij, di samping penggunaanya yang dikait rapat dengan tujuan fungsional. Berkedudukan stabil di tangga kedua ialah variasi asing K yang mempunyai daya saing budaya dan ekonomi, serta berbau moden (You & Zou, 2009:257). Variasi ini juga dikaitkan dengan imej positif penutur-penutur K dalam media massa. Kelebihan ini menjadikan K dinilai lebih tinggi dari dimensi status berbanding dua variasi tempatan M2 dan H. Ini sebenarnya turut boleh ditafsir sebagai gambaran perspektif responden yang sedar akan limitasi M2 dan H sebagai bahasa bertaraf tinggi di Kuching. Sesama M2 dan H pula, H dinilai sebagai lebih berstatus berbanding M2. Dapatan ini memaparkan dengan jelas suara hati responden bahawa kalau seseorang ingin mengecapi kejayaan, menjadikan diri lebih bernilai ekonomi, dan mempamerkan imej berprestij di Kuching, penuturan dalam H adalah pilihan yang lebih baik berbanding M2.

Bercanggah dengan kepercayaan umum bahawa variasi tidak standard atau tempatan biasanya menerima penilaian yang lebih tinggi berbanding variasi standard dari dimensi kekitaan, dapatan – juga sama ada secara keseluruhan atau dengan mengambil kira faktor-faktor sosial – menunjukkan penilaian ke atas M1 dan K masih mendahului M2 dan H dari dimensi kekitaan. Untuk ini, dakwaan '*linguistic self-hatred*' yang diutarakan oleh Labov (2006:329) dan '*Imposed Norm Hypothesis*' oleh Giles, Bourhis, Trudgill & Lewis (1974) difikir sebagai menawarkan penjelasan yang memuaskan (rujuk bahagian 4.2.1.2). Walau bagaimanapun, penilaian ke atas M2 jelas berbangkit mengatasi H dari dimensi kekitaan. Ini menunjukkan bahawa berbanding H, fungsi M2 adalah lebih menyerlah sebagai ikatan dalaman yang membawakan responden-responden bersama.

Ringkasnya, kedua-dua penilaian dari dimensi status dan kekitaan telah membolehkan tiga kumpulan dikenal pasti dalam kajian ini: kumpulan pertama ialah variasi standard M1, kumpulan kedua ialah variasi asing K, sementara kumpulan ketiga mengandungi variasi-variasi tempatan M2 dan H. Kumpulan pertama dan kedua tersebut selalu dinilai tinggi dalam kedua-dua dimensi, sementara antara M2 dan H, M2 lebih menyerlah dari dimensi kekitaan tetapi H pula dimensi status. Tidak boleh dinafikan bahawa pengesanan pola penilaian secara konservatif ke atas keempat-empat variasi kajian yang sedemikian meskipun bermakna tetapi pada masa yang sama ianya juga agak mengecewakan dari perspektif ahli sosiolinguistik yang menggalakkan kesamarataan bahasa.

## **5.2 Perwakilan (*representativeness*) dapatan kajian**

Seperti yang ditegaskan dalam bahagian 3.1.1.1, hasil kajian ini tidak bermaksud untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan komuniti atas-talian mahupun kepada keseluruhan komuniti penduduk Cina di Kuching. Sebaliknya ia hanya dilihat sebagai dapatan daripada kajian kes berdasarkan responden-responden kajian ini.

Walaupun begitu, dengan saiz sampel sebanyak 403 orang, pembentangan pola-pola sikap bahasa responden yang bukan berdasarkan tuduhan '*anecdotal*' ini tetap mempunyai kebolehpercayaannya. Sememangnya nilai sosiolinguistik kajian ini turut bertambah dengan mengambil kira lima faktor sosial yang merupakan kekunci dalam bidang sosiolinguistik.

## **5.3 Cadangan kajian lanjutan**

Kajian ini mendedahkan pola-pola tertentu yang mencadangkan mungkin wujudnya perkaitan tersirat antara bahasa pertama dan taraf pendidikan responden dengan variasi-variasi kajian, yang mana penyelidikan selanjutnya dalam halatuju ini

mungkin membolehkan dapatan yang menarik diraih. Di samping itu, kajian ini masih boleh diulangi dengan fokus kajian dialih kepada sikap bahasa responden merentasi generasi dalam keluarga-keluarga yang berlainan etnik. Sesungguhnya, kajian sedemikian membolehkan ahli-ahli sociolinguistik mengesan sebarang perubahan pada ideologi responden merentasi generasi dan kumpulan etnik. Untuk mengetahui sama ada responden-responen adalah kompeten dari segi sociolinguistik (iaitu peka dalam penggunaan bahasa-bahasa mengikut situasi) pula, unsur-unsur yang menyelidik penggunaan variasi oleh mereka dalam pelbagai domain boleh dimasukkan juga dalam kajian.

Perlu diingatkan bahawa kajian ini hanya melihat perbezaan sikap bahasa responden berdasarkan variasi-variasi *dalam (within)* bahasa Cina untuk konteks Kuching. Memandangkan Kuching juga berlatarbelakangkan masyarakat multilingual sama seperti bandar-bandar lain dalam Malaysia, adalah menarik untuk mengulangi kajian ini dengan fokus kajian terletak *di antara (among)* bahasa-bahasa. Contohnya, kalau kajian yang sama diulangi dengan bahasa Iban, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan variasi-variasi bahasa Cina, boleh dijangka bahawa pelbagai dapatan menarik bakal didapati.